

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan pada jam 1200, Khamis, 12 Mei 2022



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
BAGI PRESTASI INDEKS VOLUM PERKHIDMATAN, MALAYSIA
SUKU TAHUN PERTAMA 2022**

Indeks Volum Perkhidmatan merekodkan kenaikan 3.6 peratus pada suku tahun pertama 2022, dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 7.1 peratus

PUTRAJAYA, 12 MEI 2022 – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini menerbitkan **Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100), Suku Tahun Pertama, 2022**. Penerbitan ini meliputi empat segmen iaitu segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan; segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan; segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan; dan segmen Perkhidmatan Lain.

Pada suku tahun pertama 2022, pertumbuhan telah merentas di semua aktiviti dalam sektor Perkhidmatan terutamanya bagi subsektor Penginapan. Dalam tiga bulan pertama, Indeks Volum Perkhidmatan meningkat 7.1 peratus berbanding dengan 3.0 peratus pada suku tahun keempat tahun lepas (Carta 1). “Sumbangan pertumbuhan positif terbesar merupakan segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang meningkat 6.4 peratus. Ini diikuti dengan segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (12.4%), segmen Perkhidmatan Lain (15.0%) dan segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan

(2.7%) yang telah meningkat dengan kukuh pada suku tahun pertama 2022 berbanding dengan tahun yang lalu,” kata Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.

Mengulas lanjut terhadap laporan tersebut, beliau berkata, “Indeks Volum Perkhidmatan dalam Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan menjana pertumbuhan yang kukuh 6.4 peratus dengan 131.3 mata daripada 123.5 mata pada suku tahun yang sama tahun sebelum (Carta 2). Pendorong terdiri daripada Perdagangan Borong & Runcit 3.9 peratus diikuti dengan Penginapan 85.9 peratus dan Makanan & Minuman 16.3 peratus. Pada masa yang sama, segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan meningkat 12.4 peratus dipengaruhi oleh Pengangkutan & Penyimpanan (26.4%) dan Maklumat & Komunikasi (6.0%). Selain itu, segmen Perkhidmatan Lain telah menukarkan pertumbuhan negatif kepada peningkatan dalam Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti (33.1%), Kesihatan Swasta (13.2%) dan Pendidikan Swasta (3.0%).”


Dari sudut Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan, segmen ini meningkat marginal 2.7 peratus pada suku tahun pertama 2022 dan merekodkan 131.1 mata selepas 127.6 mata pada suku tahun yang sama tahun lepas (Carta 3). Walaupun subsektor Hartanah dan Profesional, Saintifik & Teknikal dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan meningkat sebanyak 13.5 peratus dan 7.6 peratus pada suku tahun pertama 2022, namun Kewangan & Insurans menurun sedikit pada -1.0 peratus selepas 3.3 peratus.

Bagi perbandingan suku tahunan, Indeks Volum Perkhidmatan bagi tiga bulan sehingga Mac 2022 telah meningkat 3.6 peratus berbanding dengan tiga bulan hingga Disember 2021 (Carta 4). Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambahkan lagi bahawa sumbangan utama ialah segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan yang merekodkan pertumbuhan positif 5.6 peratus selepas 4.1 peratus. Ini diikuti dengan segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang meningkat sebanyak 2.3 peratus, segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (4.0%) dan segmen Perkhidmatan Lain (4.4%).


Ketua Perangkawan juga memaklumkan bahawa perbandingan suku tahun ke suku tahun bagi pelarasan musim, Indeks Volum Perkhidmatan mengalami peningkatan sebanyak 6.4 peratus kepada 131.6 mata pada suku tahun ini. Ini disokong oleh pertumbuhan sebanyak 6.5 peratus dalam segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan dengan 131.1 mata, diikuti dengan segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (5.1%), segmen Perkhidmatan Lain (12.2%) dan segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (6.4%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


Carta 1: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Tahun ke Tahun (YoY), ST1 2018 – ST1 2022




Carta 2: Indeks Volum dan Peratus Perubahan Tahun ke Tahun (YoY) bagi Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan, ST1 2018 – ST1 2022



**Carta 3: Indeks Volum dan Peratus Perubahan Tahun ke Tahun (YoY)
bagi segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan,
ST1 2018 – ST1 2022**



Carta 4: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Suku Tahun ke Suku Tahun (QoQ), ST1 2018 – ST1 2022



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

12 MEI 2022

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 12 May 2022



**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
FOR PERFORMANCE OF VOLUME INDEX OF SERVICES, MALAYSIA
FIRST QUARTER 2022**

***Volume Index of Services recorded 3.6 per cent increase in the first quarter 2022,
with annual growth 7.1 per cent***

PUTRAJAYA, 12 MAY 2022 - The Department of Statistics, Malaysia today released ***Volume Index of Services (2015=100), First Quarter 2022***. This publication consists of four segments namely Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment; Business Services and Finance segment; Information & Communication and Transportation & Storage segment; and Other Services segment.

During the first quarter of 2022, there was widespread growth across all the activities in services sector especially the Accommodation sub-sector. In the first three months, Volume Index of Services increased 7.1 per cent, compared with 3.0 per cent in the fourth quarter last year (Chart 1). "The largest positive contribution of growth was from Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment which rose by 6.4 per cent. This was followed by Information & Communication and Transportation & Storage segment (12.4%), Other Services segment (15.0%) and Business Services

and Finance segment (2.7%) which grew more strongly in the first quarter 2022 compared with previous year,” said the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.

Elaborating further on the report, he said, “Volume Index of Services in the segment of Wholesale & Retail Trade, Accommodation and Food & Beverages generated a stronger growth at 6.4 per cent with 131.3 points from 123.5 points in the same quarter of earlier year (Chart 2). The leading contributors were Wholesale & Retail Trade with 3.9 per cent, followed by Accommodation 85.9 per cent and Food & Beverages 16.3 per cent. Similarly, segment of Information & Communication and Transportation & Storage rose 12.4 per cent, influenced by Transportation & Storage (26.4%) and Information & Communication (6.0%). Besides that, Segment of Other Services have now diverged their negative growth, with the increase being Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services & Other Activities (33.1%), Private Health (13.2%) and Private Education (3.0%).”


On the side of Business Services and Finance, this segment increased marginally 2.7 per cent in the first quarter 2022 and registered 131.1 points after 127.6 points in the same quarter a year ago (Chart 3). Although Real Estate and Professional, Scientific & Technical and Administrative & Support Services sub-sector rose 13.5 per cent and 7.6 per cent in the first quarter 2022, Finance & Insurance fell slightly -1.0 per cent after 3.3 per cent.

For quarterly comparison, Volume Index of Services for the three months to March 2022 rose by 3.6 per cent, compared with the three months to December 2021 (Chart 4). Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added that main contributor was Business Services and Finance segment which recorded a positive growth of 5.6 per cent after 4.1 per cent. This was followed by Wholesale & Retail Trade, Accommodation and Food & Beverages segment which rose 2.3 per cent, Information & Communication and Transportation & Storage segment (4.0%) and Other Services segment (4.4%).

The Chief Statistician Malaysia also informed that on a quarter-on-quarter comparison for seasonally adjusted, Volume Index of Services experienced an increase of 6.4 per cent to 131.6 points for this quarter. This was supported by a growth of 6.5 per cent by Wholesale & Retail Trade, Accommodation and Food & Beverages segment with 131.1 points, followed by Information & Communication and Transportation & Storage (5.1%), Other Services segment (12.2%) and Business Services and Finance segment (6.4%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

**Chart 1: Volume Index of Services and Percentage Change Yearly,
Q1 2018 – Q1 2022**



**Chart 2: Volume Index of Services and Percentage Change Yearly for
Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment,
Q1 2018 – Q1 2022**




Chart 3: Volume Index of Services and Percentage Change Yearly for Business Services and Finance segment, Q1 2018 – Q1 2022





Chart 4: Volume Index of Services and Percentage Change Quarterly, Q1 2018 – Q1 2022



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

12 MAY 2022